

Konsep Hari Kebangsaan 2022 selari konsep Keluarga Malaysia

Tiga teras utama gambarkan kesepakatan kesepakatan rakyat Malaysia

(31 Ogos 2022) BH | P19

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sambutan Hari Kebangsaan 2022, yang disambut hari ini di Dataran Merdeka dengan tema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama', selaras dengan konsep Keluarga Malaysia yang diinspirasi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ketua Unit Komunikasi Orang Kurang Upaya (OKU), Dr Ruziah Ghazali, berkata konsep sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini juga selari dengan tiga teras utama yang digariskan dalam konsep Keluarga Malaysia iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran.

Katanya, ia bermaksud konsep sambutan Hari Kebangsaan digambarkan melalui perarakan pada hari bersejarah itu, dengan pembabitkan komuniti besar Keluarga Malaysia, ter-



Pelbagai acara pada sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka selaras dengan konsep Keluarga Malaysia membuktikan rakyat terus bersatu padu menghadapi pelbagai cabaran membangun negara.

masuk komuniti Orang Asli dan chef terkenal daripada Persatuan Jurumasak Malaysia.

"Bagi mengenang kembali saat sukar kita memerangi pandemik COVID-19, barisan petugas hadapan juga bersama-sama dalam perarakan ini," katanya.

Patuhi SOP ditetap

Selain itu, katanya, sambutan Hari Kebangsaan kali ini juga akan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang di-

benarkan dan atas nasihat Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Kementerian Kesihatan (KKM).

Katanya, semua peserta dan tetamu hanya dibenarkan kepada mereka yang sudah menerima vaksin COVID-19 lengkap.

Beliau berkata, penganjuran sambutan itu juga menjadi serampang dua mata iaitu meraikan sambutan Bulan Kebangsaan negara dan secara tidak langsung membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia sudah berada dalam situasi selamat, stabil, kukuh dan harmoni untuk bersaing dan terus maju selepas pandemik COVID-19.

Ruziah berkata, sambutan tahun ini juga ibarat 'pelepas rindu' seluruh rakyat Malaysia yang sudah dua tahun tidak dapat menjayakan sambutan Hari Kebangsaan secara fizikal.

"Negara ini milik kita, kebanggaan kita dan sesuatu yang ingin kita wariskan kepada generasi masa hadapan.

"Jadi, sama-sama kita semai yang baik dan tanamkan nilai murni kepada seluruh Keluarga Malaysia supaya sentiasa Teguh Bersama walau apa juga rintangan yang mendatang.

"Maka, itulah tema kita Keluarga Malaysia Teguh Bersama," katanya.

